

## **CSR Teknikal FKAAS di Gotong Royong Perdana SK Convent Batu Pahat**

BATU PAHAT - Jabatan Kejuruteraan Bangunan dan Pembinaan (JKBP) dan Jabatan Senibina dan Kejuruteraan Reka (JSKR), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berkolaborasi dengan Sekolah Kebangsaan Convent Batu Pahat (SKCBP) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SKCBP melaksanakan aktiviti gotong royong perdana di persekitaran sekolah tersebut pada 16 Mac 2019 baru-baru ini.

Seramai 175 sukarelawan telah berganding bahu melakukan kerja-kerja mengecat garisan kuning di lokasi-lokasi terpilih untuk tujuan keselamatan murid-murid; menutup lubang (pothole dengan bancuhan konkrit; membina struktur sokongan sinki menggunakan batu bata; memecah dan membersihkan konkrit terbiar menggunakan concrete breaker; menyenggara dan membaik pulih kerusi, bangku, pintu dan tingkap; serta membina dan memasang pintu di bilik wudhuk. Bagi menambah lagi kebersihan dan keceriaan kawasan sekolah, kerja-kerja melukis mural bertemakan 'perpaduan Malaysia; mengecat kotak tanaman (planter box) dan pintu pagar; dan membersihkan bilik kelas dan makmal serta persekitaran sekolah telah dilakukan.

Aktiviti gotong royong yang telah berlangsung lebih tiga jam ini diketuai oleh Yang Di-Pertua PIBG SKCBP, Ts. Dr. Sasitharan Nagapan serta dibantu oleh Guru besar SKCBP, Hjh. Sa'ah Hj. Januri, Ketua Jabatan JKBP, Ts. Dr. Azeanita Suratkon dan Ketua Jabatan JSKR, Dr. Izudinshah bin Abd Wahab. Mengikut organisasi, sukarelawan adalah terdiri daripada 30 guru SKCBP, 3 alumni SKCBP, 50 orang ibubapa dan ahli jawatankuasa PIBG, 20 pensyarah/staf JKBP dan JSKR, 7 pengurus/staf Kuwait Finance House, 42 pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (ahli Persatuan Pelajar Awam) dan 23 pelajar Sarjana Muda Senibina, FKAAS.

Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat merangkap Ahli Parlimen Batu Pahat, Dato' Haji Mohd Rashid Hasnon telah hadir merasmikan program ini dalam satu majlis ringkas dengan menarik ribbon *bunting* program dan mengecat hijau sebuah bangku konkrit. Pengarah Pusat Khidmat Parlimen Batu Pahat, Tn. Khairul Fauzi Muhammad turut sama hadir memberikan sokongan terhadap program ini.

Bagi membolehkan program ini berjalan lancar, Pejabat Pusat Khidmat YB Dato' Haji Mohd Rashid Hasnon, PIBG SKCBP, syarikat/bank di sekitar Batu Pahat, guru-guru sekolah, ibubapa serta staf UTHM telah menzahirkan keprihatinan masing-masing dengan menyumbang sejumlah dana, peralatan dan makan minum. Hasil sumbangan dan kerjasama semua pihak yang terlibat, program gotong royong perdana ini telah berjaya dilaksanakan dengan baik dan mencapai objektif yang ditetapkan.



[Pautan ke Galeri Gambar](#)